

BERITA ONLINE

BERITA HARIAN

TARIKH: 23 OKTOBER 2022 (AHAD)



Ismail Sabri bersama sebahagian daripada 150 penerima sumbangan komputer pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Penyerahan Komputer #thetaCares di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera, semalam.

(Foto BERNAMA)

# Kerajaan komited wujud masyarakat celik teknologi

**Bera:** Kerajaan sentiasa mengutamakan pembangunan digital dan kekal komited mewujudkan masyarakat celik teknologi, terutama Ketika negara menempuh era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata literasi digital yang dimiliki hari ini mewakili sebahagian ilmu yang terlalu kecil, berbanding apa yang bakal hadir pada masa hadapan, yang akan menyaksikan pasaran kerja memerlukan individu berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

“Dalam Revolusi Industri 4.0, segala urusan harian manusia akan banyak bergantung kepada teknologi terkini seperti automasi robotik yang dicipta khusus untuk mengoptimum keperluan dan kesejahteraan manusia.

“Penggunaan teknologi mutakhir ini membawa cabaran baharu kepada semua sektor dalam negara ini yang memerlukan mereka berubah seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing,” katanya.

Ismail Sabri berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Sumbangan dan Penyerahan Komputer #thetaCares di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera di sini semalam. Yang hadir sama, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan Tabung Haji, Datuk Seri Amrin Awaluddin dan CEO Kumpulan Theta Edge Berhad, Nuraslina Zainal Abidin. Bagi memastikan literasi digital berjaya, Ismail Sabri berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan bantuan termasuk kepada golongan B40, agar tiada pihak yang tertinggal dalam arus pembangunan teknologi.

### **Agenda literasi digital**

Sebagai contoh, beliau merujuk kepada pelaksanaan program Peranti Siswa, iaitu pemberian tablet berkualiti tinggi kepada kira-kira 400,000 pelajar yang layak bagi memastikan pelajar golongan B40 tidak ketinggalan dalam kaedah pembelajaran pada pasca pandemik.

Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi merapatkan jurang digital dalam kalangan belia serta jurang di antara penduduk bandar dengan luar bandar, dengan Ismail Sabri memberi jaminan agenda literasi digital mampu ditingkatkan, jika kerajaan terus menerajui pimpinan negara selepas ini.

Antara inisiatif kepada belia pula, Ismail Sabri mengambil contoh inisiatif e-Pemula sebanyak RM200 kepada seramai dua juta belia dan pelajar sepenuh masa serta RM100 kepada kumpulan M40, manakala pelaksanaan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa2 akan menyediakan 100 peratus liputan Internet di kawasan berpenduduk.

“Pelaksanaan Projek Internet Luar Bandar dengan mengoptimumkan jaringan kabel elektrik pula menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi kepada lebih 60,000 penduduk luar bandar selain Digital Nasional Berhad (DNB) akan memperluas rangkaian 5G di seluruh negara, membolehkan rakyat bakal menikmati kelajuan Internet lebih pantas dan capaian Internet 5G yang lebih murah,” katanya.

Sementara itu, Theta Edge Berhad yang juga syarikat bersekutu Lembaga Tabung Haji menerusi kenyataan media memaklumkan sebanyak 150 unit komputer disumbangkan semalam, kepada penerima antaranya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah, masjid dan Tabika KEMAS sekitar Bera. BERNAMA